

**Article Info:**

Received Date: 01 July 2019

Accepted Date: 03 November 2019

Published Date: 11 November 2019

Corresponding Author:

gregory\_kiyai@yahoo.com

## **Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian awal**

**Gregory ak Kiyai @ Keai**

Fakultiti Seni Gunaan dan Kreatif,

Universiti Malaysia Sarawak

gregory\_kiyai@yahoo.com

### **Abstrak**

Pegangan hidup berbudaya telah menyebabkan manusia mempercayai akan wujudnya alam lain selepas kehidupan. Bagi masyarakat Iban di Sarawak mereka percaya akan alam kematian selepas kehidupan yang disebut sebagai alam *Sebayan*. Alam *Sebayan* diceritakan secara turun temurun oleh generasi Iban secara lisan dan banyak mempengaruhi dalam cerita dongeng Iban dan budaya ketara dan tidak ketara masyarakat Iban. Dalam budaya Iban terdapat pelbagai adat dan pantang larang yang telah ditetapkan oleh pencipta yang dipanggil sebagai Petara dalam menjaga kesimbangan hubungan dunia kosmologi Iban. Dalam adat kematian Iban, satu upacara khas iaitu upacara *Nyabak* harus dilakukan dengan mengupah khidmat *Tukang Sabak*. *Tukang Sabak* memainkan peranan penting bagi menghantar roh si mati ke tempat yang sepatutnya dengan lancar. Penyelidikan ini membincangkan terhadap budaya *Nyabak* dan peranan *Tukang Sabak* dalam adat kematian masyarakat Iban di Sarawak.

**Kata Kunci:** Adat, Budaya, Iban, Nyabak

### **Abstract**

*The cultural belief has cause human to believe the existence of life after death. For the Iban in the Sarawak, they believe the realm after death is called as Sebayan. The story of Sebayan was passed down through orally by older generation to a new generation. This has effected the Iban in term of Iban's myth story, tangible and intangible culture within their community. In the Iban's custom and taboo, created by Petara to protect the balance of Iban's cosmology. In Iban's death belief, there's a certain ritual known as Nyabak by hiring a Tukang Sabak (The Crying Lady) to perform it. The Tukang Sabak roles is to smoothly deliver the soul of the death to the afterlife. This reaserch will discuss of Nyabak ritual and the roles of the Tukang Sabak of death in Iban's belief.*

**Keyword:** Custom, Culture, Iban, Nyabak

## PENGENALAN

Idea tentang alam kematian ini sudah wujud beribu ribu tahun dahulu, bagi masyarakat purba, alam kematian adalah kemuncak dalam hidup mereka yang penuh dengan pemikiran mistik dan supernatural. Dalam Tamadun India dan Mesir Purba (2000 SM) melihat bahawa alam kematian adalah hari pengadilan akan perbuatan mereka semasa masih hidup. Hal ini turut dilihat dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak, di mana mereka percaya bahawa wujudnya alam lain selepas kehidupan yang dipanggil *Sebayan* atau akhirat. Masyarakat Iban percaya bahawa dunia *Sebayan* ini akan menilai dan menghakimi mereka berdasarkan kepada amalan dan perbuatan mereka semasa hayatnya dahulu. Bagi memastikan perjalanan masyarakat Iban yang telah meninggal dunia ini berjalan dengan lancar, maka satu upacara yang dipanggil *Upacara Nyabak* telah dilakukan untuk mengiringi roh masyarakat Iban ke dunia *Sebayan* agar perjalanan mereka tenang dan diberkati oleh *Petara* (Tuhan). Upacara ini akan dilakukan oleh wanita Iban yang mempunyai kepakaran khas dalam bidang *Nyabak* (meratapi si mati) yang digelar *Tukang Sabak*. Walaubagaimana, seiring dengan perkembangan zaman, budaya ini semakin dilupai oleh generasi Iban disebabkan oleh pelbagai faktor dan kerelevanannya budaya masyarakat Iban kini. Oleh itu penyelidikan ini adalah satu penelitian awal dalam membincangkan budaya *Nyabak* dan *Tukang Sabak* dalam adat kematian masyarakat Iban di Sarawak.

Menurut Clifford Sather (2012 :114-152) mengatakan bahawa masyarakat Iban percaya bahawa dunia ini diciptakan oleh semangat yang dipanggil sebagai *Petara*. Mereka percaya bahawa *Petara* inilah yang mengawal dunia dan alam semesta. Dunia kosmologi masyarakat Iban di bahagi kepada tiga iaitu *Panggau Libau*, *Mandai Idup* dan *Mandai mati*. Konsep kepercayaan hidup selepas kematian bukan hanya berlaku dalam budaya masyarakat Iban sahaja, bahkan telah dipercayai sejak tamadun awal lagi. Ahli akademik menyebut terma kepercayaan ini sebagai kehidupan selepas kematian (*afterlife*). Masyarakat Iban percaya pada hari pertama sehingga hari ketiga kematian di rumah panjang, roh mereka yang telah mati masih berkeliaran di dalam rumah panjang. Ini kerana, mereka percaya bahawa roh si mati belum mengetahui dan menerima hakikat bahawa dia akan meninggalkan keluarga dan sahabat. Oleh sebab itu, peranan *Tukang Sabak* adalah sangat diperlukan dalam membantu roh si mati meneruskan perjalannya ke dunia *Sebayan*.

Dalam kosmologi masyarakat Iban, terdapat tiga tahap persinggahan kehidupan iaitu peringkat atas (A) adalah dunia *Pangau* (Kayangan) yang menempatkan para dewa dewi. Para dewa dewi akan memerhatikan kehidupan masyarakat Iban melalui sebuah tajau besar untuk mengetahui perkembangan mereka di dunia. Peringkat yang kedua (B) adalah *Mandai Idup* iaitu dunia manusia dan dunia. Peringkat yang paling bawah (C) adalah *Mandai Jenuh/Mati* (dunia akhirat) yang menempatkan roh orang Iban yang sudah mati. Mereka percaya sekiranya masyarakat Iban meninggal, roh mereka akan balik ke suatu tempat yang disebut sebagai *Sebayan*. Walaubagaimana, sekiranya si mati merupakan seorang bomoh atau manang rohnya akan balik ke puncak bukit yang disebut Bukit Rabong. Lokasi Bukit Rabong ini tumbuh di tebing Batang Ketugau iaitu berhampiran dengan Batang Kapuas, Indonesia. Bukit ini digambarkan dalam kedudukan yang tinggi dan curam dan sukar dinaiki oleh manusia biasa yang tiada kekuatan ghaib, manakala dunia yang dipanggil sebagai sebayan iaitu mandai mati terletak di Batang Kapuas, Kalimantan Barat Indonesia. Roh masyarakat Iban yang mati akan melalui suatu jalan yang sukar sebelum sampai ke batang mandai. Perjalanan mereka merentasi pelbagai benua termasuklah melalui titian tinggi atau disebut sebagai *Andau Titi Rawan*. Titian ini menurut cerita orang dahulu digambarkan sebuah titian yang halus seperti meniti selembar rambut. Konsep *titian rawan* ini sama diceritakan dalam *al-quran* iaitu *al sirat, al mustakim* (Clifford Sather, 1994:91-92).

Menurut Noria Tuggang (2004: 201) mengatakan dalam masyarakat Iban, semasa berlakunya adat kematian di rumah panjang, satu upacara khas perlu diadakan iaitu *Upacara Nyabak*, upacara tersebut bertujuan bagi mengiringi roh di mati pulang ke dunia Sebayan. Dengan berbuat demikian roh si mati akan

tenteram, aman dan damai. Pada hari pertama kematian sehingga hari ketiga sebelum mayat si mati di kuburkan, masyarakat Iban percaya bahawa roh si mati masih lagi berlegar-legar di rumah panjang dalam keadaan bingung kerana beliau masih tidak mengetahui bahawa beliau sudah meninggal dan tidak dapat menerima hakikat yang beliau telah meninggalkan isteri, suami, anak-anak dan saudara-mara serta sahabat handai. (Motomitsu Uchibori,1978:186-187). Semangat orang mati berkekalan menjadi antu di dunia Sebayan sehingga kepada suatu masa ia akan lenyap menjadi embun dan seterusnya memasuki tumbuh-tumbuhan dan badan manusia (Erik Jensen, 1974:8) Gambaran mengenai dunia Sebayan boleh dijelaskan sebagai rima kematian yang dinyanyikan oleh Tukang Sabak. Proses perjalanan si mati menentukan keberadaannya di antara Sebayan dan dunia hidup manusia

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Secara keseluruhannya penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah sistematik bagi menerangkan, memerhati, mengdokumentasi, temubual. Memahami dan menyelidiki corak hidup serta budaya sesebuah masyarakat. Di mana penyelidik telah turun ke lapangan iaitu di Kampung Tr. Assan Semena dan Tr. Tan Rantau Kiran, Nanga Medamit Limbang bagi mendapatkan temubual bersama dengan seorang bekas Tukang Sabak. Penyelidikan ini adalah bersifat emperikal iaitu iaitu menggunakan temubual sebagai data primer bagi penyelidikan ini, di sokong dengan pengdokumentasian menggunakan kamera bagi medapatkan gambar semasa berlangsungnya proses penyelidikan ini.

## DAPATAN PENYELIDIKAN



**Gambar :** kedudukan berbeza posisi *Tukang Sabak* dalam Upacara Nyabak  
**Sumber:** Koleksi Penyelidik, 2018

*Sabak Bebuah* dilafazkan untuk menangisi pemergian seseorang yang telah meninggal dan menceritakan secara terperinci tentang perjalanan si mati ke dunia Sebayan sebelum pengembumiannya. Arti *Sabak Bebuah* adalah sebuah cerita yang berurutan mengenai perjalanan yang akan dilalui oleh roh si mati dari Rumah panjang sehingga melalui titi andau rawan dan ke sebayan. Menurut Chemaline Osup (2013:11) mengatakan *Sabak bebuah* hanya boleh dinyanyikan oleh *Tukang Sabak* yang mahir, mereka akan duduk dalam sapat iaitu berhampiran denga si mati. Sapat adalah tempat untuk meletakan si mati yang dilindung dengan pua kumbu. Tujuan mendirikan sapat adalah untuk memastikan roh si mati memahami bahawa dunianya sekarang sudah terpisah di antara alam hidup dan alam kematian.

Semasa menyanyi, *Tukang Sabak* akan memegang kain pua dengan tangan kiri untuk menutup mukanya, manakala tangan kanannya berpahut pada orang di sebelahnya (selalunya kaum perempuan atau kerabat perempuan keluarga si mati) untuk menyokongnya. Kakinya diletakkan pada sebatang besi atau duku ilang untuk menguatkan semangatnya supaya tidak alah ayu. Konsep *Alah ayu* sangat ditakuti oleh masyarakat Iban. *Alah ayu* bermakna sesuatu petanda yang buruk akan menimpa individu ataupun seluruh isi Rumah panjang, *Alah ayu* selalunya dikaitkan dengan sakit tenat sehingga boleh menyebabkan berlakunya kematian. Dalam melakukan upacara *Nyabak*, terdapat tiga posisi kedudukan *Tukang Sabak* semasa proses nyabak iaitu duduk mengunjur, duduk di bangku ataupun duduk di ayunan. Sekiranya duduk di ayunan, tangan mereka akan memegang tali ayunan untuk menggengam semangat, kerana masyarakat Iban percaya tukang sabak akan menemani roh si mati ke sebayan, dari situ dia akan menceritakan perjalanan dan persinggahan yang dilalui oleh si mati untuk perkhabaran keluarga yang masih hidup dan orang rumah panjang.

## PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Faktor pertama adalah disebabkan oleh kerelevan zaman. Kerelevan zaman telah menyebabkan budaya *Nyabak* semakin dilupai oleh generasi muda, hal ini di sebabkan oleh perubahan zaman yang banyak menghakis budaya dan cara hidup masyarakat Iban yang lama dan dianggap tidak perlu dalam budaya masyarakat Iban kini. Selain itu, kepesatan bidang teknologi yang dinamik menyebabkan golongan muda tidak berminat untuk mendalami semula dan mempelajari budaya *Nyabak* ini. Tambahan pula, masyarakat Iban kini lebih moden dalam menata gaya hidup yang lebih mempercayai hal yang realistik sahaja, iaitu hanya percaya akan bukti dan fakta. Hal ini kerana, proses globalisasi melahirkan ramai golongan muda orang Iban yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan mereka berfikir tentang perkara yang rasional. Mereka beranggapan, jika mengambil *Tukang Sabak* dalam upacara kematian mereka, maka proses tersebut dilihat sebagai sesuatu yang leceh kerana perlu menyediakan *Piring* (persesembahan makanan) dan beberapa artifak lain seperti *Pua kumbu* dan *duku Ilang*. Zaman kini, *Pua Kumbu* dan *Duku Ilang* dianggap berharga dan mempunyai nilai sentimentalnya yang tersendiri, kerana artifak budaya ini merupakan warisan keluarga yang diturunkan generasi ke generasi. Maka, mereka masyarakat Iban memilih untuk tidak menggunakan khidmat *Tukang Sabak* bagi mengelakan mereka membayar upah khidmat tersebut menggunakan artifak warisan itu.

Faktor yang kedua adalah disebabkan oleh pengaruh agama Kristian. Kemasukan penjajah dari Eropah lewat abad Ke-19 telah menghakis banyak budaya ketara dan tidak ketara masyarakat Iban. Hal ini disebabkan oleh pengaruh kemasukan agama Kristian telah menyebabkan masyarakat Iban meninggalkan separuh cara hidup mereka yang lama. Faktor ini telah mengancam kewujudan budaya asal masyarakat pribumi, khususnya kaum Iban di Sarawak. Masyarakat Iban sebelum itu, amatlah berpegang teguh kepada unsur-unsur animisme dan juga kepercayaan terhadap mimpi. Menurut tembubual bersama dengan Jimbun Tawai (70 tahun, Bekas Ahli Majlis Adat Istiadat Pribumi Sarawak) mengatakan dalam budaya yang melibatkan unsur animisme, kepercayaan akan wujudnya kuasa tersebut adalah penting dalam menjaga kelangsungan hidup. Sekiranya masyarakat Iban sudah tidak percaya akan kewujudan kuasa tersebut, maka ianya sudah luntur dan tidak memiliki spiritualnya dalam segala ritual dan artifak budaya masyarakat Iban. melihat kepada fenomena kini, masyarakat Iban sekarang sudah memeluk agama kristian dan Islam maka mereka telah meninggalkan adat lama kerana perbuatan itu di anggap bertentangan dengan amalan mereka. jadi kebanyakan masyarakat Iban yang baharu sudah tidak memiliki artifa-artifak yang digunakan dalam Upacara *Nyabak* seperti *Kebuk*, *Duku Ilang* dan juga *Pua Kumbu*. Walau bagaimana, sebahagian kawasan di Sarawak seperti Kapit, Sri Aman, Lubuk Antu dan Betong masih mengekalkan tradisi *Nyabak* ini apabila berlakunya kematian di rumah panjang, namun tradisinya mugkin sudah dimodifikasi sesuai dengan anutan agama baharu mereka. Menurut Elizebeth Biah (67 tahun), biarpun dia sudah masuk kristian,

upacara *Nyabak* ini masih diteruskan cuma melalui asimilasi dengan menerapkan unsur ajaraan kristian. Menurutnya lagi beliau sudah tidak menggunakan *Sabak bebuah* untuk meratapi orang mati tapi sebaliknya menukar kepada *Sabak kenang* iaitu mengenang riwayat serta segala kebaikan si mati semasa hayatnya manakala *Sabak bebuah* adalah satu proses mengiringi roh si mati ke dunia sebayan, jadi ini amat bertentangan dengan ajaran agama Kristian mahupun agama Islam. Faktor yang ketiga adalah faktor kesihatan juga telah menyebabkan ramai *Tukang Sabak* tidak melakukan upacara ini. Hal ini kerana, upacara meratapi orang mati dilakukan semalam. Secara tidak langsung, ini akan memenatkan dan memberi kesan ke atas *Tukang Sabak* dari segi tenaga dan keupayaan beliau dalam melakukan upacara ini dengan baik. Manusia memerlukan masa untuk tidur iaitu lebih dari lapan jam sehari. Aktiviti berjaga sepanjang malam akan memudaratkan lagi kesihatan tubuh badan manusia. Pelbagai implikasi penyakit boleh menyerang *Tukang Sabak* seperti tinggi darah, sakit kepala dan lenguh sendi. (Helga Chermai, 58 tahun)

Budaya dalam sesebuah masyarakat tidak akan bersifat kekal dan statik sahaja, ia akan terus berevolusi sesuai dengan tututan zaman dan modifikasi komuniti dan lingkungan. Merujuk kepada budaya Nyabak dalam masyarakat Iban, amalannya mungkin kurang dipraktikkan dalam zaman kini namun kepercayaan masyarakat Iban adanya kehidupan selepas kematian itu masih tersemat di minda mereka sampai ke hari ini. Mereka percaya bahawa sekiranya berlakunya kematian dalam rumah panjang, maka cara pengendalian si mati haruslah mengikuti adat yang telah diwariskan oleh nenek moyang Iban sebelum ini seperti menyediakan *Pua Kumbu* dan *Duku Ilang*, bahkan sekiranya mereka menggunakan khidmat *Tukang Sabak*, rima *Sabak* yang akan di dengangkan oleh *Tukang Sabak* akan hanya menggenangkan riwayat si mati tanpa perlu menyebut *Dunia Sebayan* (dunia alam kematian). Oleh sebab itu, implikasi penyelidikan ini adalah sebagai satu langkah untuk mengarkibkan budaya *Nyabak* ini sebagai satu warisan tidak ketara masyarakat Iban dari terus pupus dan makin dilupakan. Melalui penyelidikan ini akan menjadi satu penyelidikan rintis kepada penyelidikan akan datang terutamanya sarjana dan juga ahli akademik dalam usaha mengkonservasi budaya *Nyabak* ini agar terus bertahan dalam budaya masyarakat Iban. Masyarakat Iban yang diwakili oleh Tun Jugah Foundation bersama-sama dengan Majlis Adat Istiadat Pribumi Sarawak haruslah berkerjasama dengan Jabatan Muzium Sarawak serta universiti tempatan dalam melakukan satu siri penyelidikan khusus dan simposium budaya Iban khususnya *Budaya Nyabak* ini.

## KESIMPULAN

Masyarakat Iban sememangnya kaya dengan keindahan bahasa, adat serta budaya, peribahasa Iban selalu menyebut “*bejalai betungkat ke adat, tinduk bepanggal ke pengingat*” yang membawa maksud, berjalan bertongkatkan adat, tidur harus mengingati budaya yang membawa maksud di mana kita berada, adat dan budaya jangan lupa supaya tidak lapuk dek telan zaman. Memang tidak dinafikan bahawa perubahan zaman telah mengakis banyak budaya masyarakat Iban, salah satunya adalah upacara *Nyabak* atau seni meratapi orang mati.oleh itu, melalui penyelidikan ini di harap dapat membantu melestarikan budaya *nyabak* ini dengan kaedah dokumentasi secara bertulis bagi penyimpanan arkib di masa akan datang.

## INFORMAN

Elizebeth Biah Ak Temenggung Ngang, berumur 67 tahun, berasal dari Tr. Assan Semena, Nanga Medamit Limbang Sarawak.

Helga Chermai ak Iri, berumur 58 tahun berasal dari Tr. Tan Rantau Kiran Nanga Medamit Limbang

Jimbun Tawai, Berumur 70 tahun, pernah Berkhidmat dengan Majlis Adat Istiadat Masyarakat Iban di Sarawak dan terlibat sebagai penyelaras buku teks sekolah bagi pembelajaran Bahasa Iban di sekolah kerajaan.

## RUJUKAN

- Jensen. E. (1974). *The Iban and Their Religion* (Oxford Monographs on Social Anthropology.) xii,. Oxford: Clarendon Press'
- Motomitsu Uchibori. (1973). *THE LEAVING OF THIS TRANSIENT WORLD: A Study of Iban Eschatology and Mortuary Practices*, Department of Anthropology Research School of Pacific Studies Australian National University Canberra.
- O. Chemaline. (2013). Folklor Suku Kaum Iban: Distinktif, Ekstensif, Unik dan Tersendiri: Sang Budiman (Sebuah Festchrift Bagi menghormati Khidmat Profesor Emeritus Abdullah Hassan Di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris sedasawarsa,2001-2011), PTS AKADEMIA: Selangor.
- Sather, Clifford. (1994). "Introduction", in: Benedict Sandin, *Sources of Iban traditional history*. Sarawak: Sarawak Museum. [Special Monograph 7, Sarawak Museum Journal.]
- S. Clifford. (2012). Recalling the Dead, revering the Ancestors: Multiple Forms of Ancestorship in Saribas Iban Society. Ancestors in Borneo Studies: Death, Transformation, and Social Immortality. NIAS-Nordic Institute of Asian Studies, No.50.
- Sather, Clifford. (2012). "Recalling the dead, revering the ancestors; Multiple forms of ancestorship in Saribas Iban society", in: Pascal Couderc and Kenneth Sillander (eds), Ancestors in Borneo societies; Death, transformation, and social immortality, Copenhagen: NIAS Press.
- T. Noria. (2004). Tembikar dalam Budaya Iban di Sarawak.Koata Samarahan: UNIMAS Publisher.